



Perkembangan Nilai Moral Melalui Model Projek Citizen Dalam Kalangan Penuntut PKn Universiti Muhammadiyah Purwokerto, Indonesia

Eko, Priyanto¹ & Thambu, Nadarajan^{2*}

^{1,2}Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA

*Corresponding author email: nada@fsk.upsi.edu.my

Received 24 September 2021; Accepted 15 November 2021; Available online 01 December 2021

Abstract: Citizenship Education (PKn) is a compulsory course in the Higher Education curriculum in Indonesia. Citizenship Education aims to produce university students who have the skills of moral values and civilized behaviour as outlined in the Pancasila of the Republic of Indonesia. However, the problems of Citizenship Education in Indonesia, include the delivery of moral values in theory in the form of knowledge only without emphasis, on the aspect of value building so that the values learned become individual student habits. In this context, the Citizen Project Model is considered capable of being a teaching method that develops moral values in theory and practice. Thus, this study aims to explore the potential of the Citizen Project Model (CPM) as a tool to develop the moral values of university students. This study was implemented in a qualitative approach by using the design of Participatory Action Research. Participants engaged in charitable and social work in the local community, through the Citizen Project Model, in all three loops of Participatory Action Research. The findings of the study show that the Citizen Project Model, can develop four main values, namely, the values of rationality, justice, honesty and kindness among the participants. This study has implications for the teaching methods of Citizenship Education and the participation of students together with the community in an effort to develop moral values and moral behaviour.

Keywords: Moral values, citizen project model, citizenship education, participatory action research

Abstrak: Pendidikan Kewarganegaraan (PKn) menjadi kursus wajib dalam kurikulum Pendidikan Tinggi di Indonesia. Pendidikan Kewarganegaraan bertujuan untuk melahirkan penuntut universiti yang memiliki kemahiran nilai moral dan perilaku beradab seperti yang digariskan dalam Pancasila Republik Indonesia. Namun, permasalahan Pendidikan Kewarganegaraan di Indonesia antara lain termasuklah penyampaian nilai moral secara teori dalam bentuk pengetahuan sahaja tanpa penekanan kepada aspek pembatitan nilai agar nilai yang dipelajari menjadi tabiat kendiri individu pelajar. Dalam konteks ini, Model Projek Citizen dianggap mampu menjadi motode pengajaran yang mengembangkan nilai moral secara teori dan praktik. Justeru kajian ini bertujuan untuk meneroka potensi Model Projek Citizen (MPC) sebagai alat untuk mengembangkan nilai moral penuntut universiti. Kajian ini dilaksanakan dalam pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk Kajian Tindakan Partisipatif (Participatory Action Research). Peserta kajian terlibat dalam kerja-kerja amal dan sosial dalam masyarakat setempat, melalui Model Projek Citizen, dalam ketiga-tiga gelung kajian tindakan partisipatif. Dapatkan kajian menunjukkan Model Projek Citizen, dapat mengembangkan empat nilai utama iaitu, nilai rasional, keadilan, jujur dan baik hati dalam kalangan peserta kajian. Kajian ini mempunyai implikasi terhadap metode pengajaran PKn dan partisipasi mahasiswa bersama-sama masyarakat dalam usaha mengembangkan nilai dan perilaku moral.

Kata Kunci: Nilai Moral, Model Projek Citizen, Pendidikan Kewarganegaraan, Kajian Tindakan Partisipatif

1. Pengenalan

Mata pelajaran Pendidikan Kewarganegaraan (PKn), telah dimasukan dalam kurikulum di sekolah dan di universiti. Dalam kurikulum perguruan tinggi, kursus (mata kuliah) Pendidikan Kewarganegaraan (PKn) termasuk dalam kelompok Mata Kuliah Pengembangan Kepribadian (MKPK) yang harus dan wajib diikuti oleh setiap siswa dari

berbagai-bagai fakultas dan program studi serta wajib lulus (Samani & Hariyanto, 2014; Wibowo & Wahono, 2017). Antara misi PKn ialah untuk meningkatkan kehidupan bangsa Indonesia dengan mengembangkan nilai moral dan akhlak bangsa. Dalam hubungan ini, kesedaran nasional atau kesedaran negara bangsa penting dan ilmu PKn harus diterapkan secara bertanggungjawab untuk membina negara, bangsa dan kemanusiaan insan (Azzet, 2014). Penerapan nilai moral menjadi wahana yang sangat strategik untuk mengembangkan perilaku bangsa. Perilaku, perwatakan dan karakter bangsa ini harus dipupuk melalui strategi penerapan nilai yang efisien (Khairu Anuar, Tan, & Mahadir Naidu, 2021). Demi mencapai hasrat ini, pembelajaran PKn harus diperkasa untuk menjadi gelanggang pembelajaran yang berkuasa (*powerfull learning area*) yang lebih bermakna, terintegrasi, mencabar, aktif dan berdasarkan nilai.

Pada masa yang sama terdapat juga pelbagai masalah dalam mengendalikan PKn di sekolah dan universitas (Winataputra, 2016). Antara batasannya ialah peranan guru dan dosen yang lebih dominan, yang mana situasi kelasnya lebih bersifat dominasi dan bukannya integrasi sehingga pengajaran lebih bersifat *knowledge oriented* semata-mata. Pedagogi pengajaran PKn lebih bersifat “diajar” (*thought*) dan bukan dipelajari (*learned*) menjadikan pengajaran lebih mengutamakan aspek kognitif daripada afektif dan psikomotor. Oleh itu, satu model pembelajaran seperti Model *Projek Citizen* dalam pembelajaran Pendidikan Kewarganegaraan di Perguruan Tinggi perlu untuk memberikan sumbangan kepada perkembangan aspek nilai moral, nasionalisme, partisipasi dan kemahiran berfikir mahasiswa (Dahliyana & Suabuana, 2019).

Model *Project Citizen* pertama kali digunakan di California Amerika Serikat, pada tahun 1992. Model *Projek Citizen* kemudian dikembangkan menjadi satu program nasional oleh *Center for Civic Education* (CCE) dan Konferensi Nasional Badan Pembuat Undang-Undang Negara Indonesia pada tahun 1995. Selanjutnya model ini mula diadaptasi di Indonesia daripada semangat “We the People....Project Citizen” yang dikembangkan oleh *Center for Civic Education* (CCE), Calabas (Budimansyah, 2002; 12). Menurut Budimansyah (2002; 2016), Model *Projek Citizen* adalah satu rawatan instruksional (*instructional treatment*) yang berdasarkan masalah untuk mengembangkan pengetahuan, kecekapan, perwatakan demokratik warganegara, serta berpatisipasi dalam pemerintahan dan masyarakat civil (*civil society*).

Model Projek Citizen juga dikenali sebagai ‘Model Projek Kewarganegaraan Kami Bangsa Indonesia’ (PKKBI), di Indonesia. Model Projek Kewarganegaraan Kami Bangsa Indonesia’ (PKKBI), mula diuji rintis pelaksanaannya di sekolah dasar dan sekolah menengah. Model pembelajaran ini dipilih sebagai satu usaha pembelajaran yang berasaskan kebijakan public (*public policy*). Misi model MPC adalah untuk mendidik para siswa agar mampu menganalisis pelbagai dimensi kebijakan publik dalam konteks proses demokrasi kepada warganegara muda. Model projek citizen diharapkan mampu meningkatkan kualiti warganegara Indonesia menjadi lebih cerdas, kreatif, berpegang pada nilai, partisipatif dan bertanggungjawab (Jayadiputra, 2015).

Model *Projek Citizen* menjadi satu inovasi dalam metode pengajaran dan pembelajaran PKn di Indonesia (Azizah et al., 2020). Model ini juga menyokong empat ciri pengajaran PKn iaitu, belajar untuk membuat (*learning to do*), belajar untuk mengetahui (*learning to know*), belajar untuk menjadi (*learning to be*) dan belajar untuk hidup bersama (*learning to live together*). Selain itu Model *Projek Citizen* juga, menyokong pandangan beberapa teori pendidikan seperti teori konstruktivisme, pedemokrasian ilmu, pembelajaran aktif, pembelajaran koperatif, pembelajaran tindakan partisipatif dan pembelajaran refleksi (Karliani, 2014).


Model Projek Citizen mempunyai enam langkah yang utama. Enam langkah tersebut ialah: (i) Mengidentifikasi masalah (ii) Memilih suatu masalah untuk dikaji oleh kelas (iii) Mengumpulkan informasi yang terakit pada masalah itu (iv) Mengembangkan portofolio kelas (v) Menyajikan portofolio di hadapan dewan juri dan (vi) Melakukan refleksi pengalaman belajar. Langkah-langkah ini bertujuan untuk mempraktikan teori yang dipelajari di kelas dalam bentuk amalan di dalam masyarakat demi memperkuuh nilai yang diterima menjadi tabiat kendiri individu (Budimansyah, 2014, 2016).

2. Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan dalam pendekatan kualitatif (Creswell, 2012; Rukajat, 2018) dengan menggunakan reka bentuk kajian tindakan partisipatif (*Participatory Action Research*) atau PAR. Model PAR (Rahmat & Mirnawati, 2020) yang mempunyai tiga gelung (siklus) yang telah diadaptasi daripada Crane dan Richardson (2000) digunakan. Peserta kajian terdiri daripada 18 orang mahasiswa dari Universitas Muhammadiyah Purwokerto (UMP) yang mengikuti kursus Pendidikan Kewarganegaraan (PKn). Peserta terlibat dalam kerja-kerja amal dan sosial dalam masyarakat setempat, melalui Model *Projek Citizen*, dalam ketiga-tiga gelung kajian tindakan partisipatif. Data untuk kajian ini dikutip secara kualitatif melalui teknik temu bual, pemerhatian, catatan jurnal dan rakaman video (Boeije, 2010). Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tema seperti yang disyorkan oleh Braun dan Clarke (2006).

3. Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan Model *Project Citizen* mengembangkan aspek nilai moral peserta kajian. Unsur-unsur seperti rasional, jujur dan baik hati menjadi elemen untuk membentuk aspek perkembangan nilai moral (Chang, 2005; 2007). Rujuk Rajah 1.



Rajah 1: Nilai-nilai moral

3.1 Tema 1: Rasional

Elemen rasional merupakan satu aspek penting dalam perkembangan nilai moral individu (Aroff & Chang, 1994). Dalam konteks moral, individu tidak boleh membuat sesuatu keputusan yang bermoral tanpa berfikir secara rasional (Varatha Raju & Thambu, 2020). Oleh itu, pemikiran yang rasional menjadi satu nilai yang tidak dapat dipisahkan dalam pembentukan warganegara yang bermoral (Haidt, 2001). Tema nilai rasional terbentuk daripada dua subtema iaitu berfikir berdasarkan alasan dan subtema mengambil tindakan wajar.

3.1.1 Berfikir Berdasarkan Alasan

Hasil temu bual yang dijalankan terhadap peserta yang melaksanakan Model *Project Citizen* menunjukkan peserta dapat berfikir secara rasional dan munasabah dalam mengidentifikasi dan mengenal pasti masalah semasa yang melanda negara secara umum. Peserta kajian juga dapat berfikir secara am tentang masalah yang ada implikasi terhadap masyarakat setempat secara khusus (Jayadiputra, 2015).

Peserta kajian mampu membuat identifikasi sama ada masalah yang melanda negara juga ada impak terhadap masyarakat lokal. Pemikiran moral yang wajar jelas terserlah apabila peserta dapat mengidentifikasi, mentafsir dan memilih masalah yang penting dan yang harus ditangani segera untuk mengekalkan keharmonian dalam masyarakat lokal (Ulfah & Solihin, 2017). Hasil temu bual dengan peserta kajian ada menunjukkan mereka dapat berfikir berdasarkan alasan. Nilai dan pemikiran rasional mereka jelas dalam pengakuan dalam temu bual yang dijalankan bersama-sama mereka. Rujuk sedutan temu bual berikut:

Peserta 1: Kumpulan kami identifikasi beberapa masalah dengan mencari sumber melalui media elektronik seperti internet dan media cetak, majalah dan akhbar. Kami peroleh banyak masalah seperti masalah pengangguran dan perlenggaran moral dan sosial. Setelah kami analisis dan berfikir, saya merasakan masalah perlenggaran moral memblos harus diteliti kerana pendidikan adalah aspek yang penting untuk kemajuan masyarakat. Saya memilih masalah perlenggaran moral memblos.

[prodi/mngmt/S1KA/WCB/4.3.18]

Peserta 3: Kami identifikasi masalah, sambil berfikir dengan mencari masalah sebanyak mungkin. Kami memilih permasalahan yang paling menonjol dalam masyarakat sebanyak dua masalah, iaitu masalah pengangguran dan kriminal. Kami secara rasional memilih masalah pengangguran yang berleluasa dalam masyarakat untuk dikaji kerana ia isu yang penting. Kerna pengangguran ada kaitan dengan kriminal. Selepas itu kami turun ke pangkalan masyarakat untuk mencari bukti yang nyata tentang permasalahan ini.

[prodi/mngmt/S1KA/WCB/4.3.18]

Peserta kajian juga menunjukkan nilai rasional dengan berfikir secara yang wajar dan munasabah semasa mengumpul informasi dan dalam langkah kebijakan publik. Peserta telah menemui masyarakat lokal secara bersemuka, berinteraksi, memerhati dan mewawancara anggota masyarakat untuk mengumpul informasi. Peserta ada menunjukkan bukti bahawa mendapatkan informasi secara berhemah dengan anggota masyarakat juga merupakan satu unsur atau nilai moral yang perlu ada pada individu mahasiswa. Rujuk hasil wawancara berikut:

Penyelidik: Bagaimana saudara berusaha mencari informasi melalui penelitian?

Peserta 3: Ya. kami berusaha untuk mengumpul data-data pengangguran daripada Badan Pusat Statistik, untuk dapatkan bahan bukti. Kami juga ada membuat pemerhatian dan wawancara dengan orang yang tiada pekerjaan, orang yang baharu dipecat daripada pekerjaan dan yang masih berusaha untuk mencari pekerjaan. Selain itu informasi dari akhbar dan internet dicari. Apa yang penting ialah, kita harus rasional dan berfikir secara baik dengan alasan yang ada untuk menyelesaikan masalah dalam masyarakat.

[prodi/tecEL/S1KC/WCB/4.3.18]

Selain itu, peserta juga menunjukkan sikap berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata, dan munasabah dalam langkah penyajian portfolio dan refleksi. Dalam penyajian portfolio misalnya, peserta dapat menyajikan isu kurangnya kesedaran terhadap pendidikan dalam kalangan masyarakat lokal. Selain itu, isu pengedaran narkoba secara berleluasa dalam kalangan remaja juga menjadi masalah utama masyarakat lokal juga menjadi tema penyajian portfolio. Dalam langkah refleksi juga, peserta kajian menunjukkan pemikiran yang wajar dengan mengatakan pengalaman yang diperoleh dalam Model *Project Citizen* dapat membentuk nilai rasional dan pemikiran untuk menjadi seorang individu dan warganegara yang bermoral. Rujuk temu bual berikut:

Peserta 4: Setelah terlibat dalam kebijakan publik, kumpulan kami telah menyajikan portfolio tentang isu kurangnya kesedaran tentang pendidikan dalam kalangan anggota masyarakat. Masyarakat masih tidak tahu pentingnya pendidikan sebagai cara untuk meningkatkan taraf hidup. Pengalaman dengan masyarakat membuatkan saya berfikir dan sedar tentang perlunya mahasiswa mewujudkan kesedaran pendidikan kepada masyarakat. Pemikiran moral begini yang perlu ada pada setiap mahasiswa universiti.

Peserta 2: Dalam langkah refleksi kami ada menyatakan pengalaman saya menyertai Model *Project Citizen*. Saya sendiri ada kesedaran dan pemikiran moral bahawa, penglibatan remaja dalam narkotika tidak baik dan tidak bermoral. Sebagai individu yang bermoral kita sebagai mahasiswa perlu menangani masalah ini daripada merebak.

[prodi/tecSPL/S1K2/WCB/4.3.18]

Selain itu, analisis catatan jurnal juga menunjukkan keupayaan peserta dalam menunjukkan elemen perkembangan moral yang wajar. Peserta dapat membuat pentafsiran tentang pemikiran yang dianggap bermoral dan tidak bermoral. Peserta bersetuju dengan pemikiran, bahawa manusia perlu mencari alasan dan bukti untuk mempertahankan pemikiran yang juga adan kaitan dengan ideologi dan pegangan mereka. Mereka perlu berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang menunjukkan pemikiran mereka ialah pemikiran bermoral. Catatan jurnal berikut menunjukkan pengakuan peserta yang terlibat dalam langkah identifikasi masalah dan memilih masalah.

Saya memilih masalah moral yang wajar untuk dikaji setelah berbincang dengan kumpulan kami. Setelah berfikir dengan mendalam, saya memilih masalah rasuah dan pengangguran untuk dikaji. Dalam banyak masalah ini, bagi saya masalah rasuah harus dikaji untuk mencari punca dan cara penyelesaian dalam masyarakat. Hal ini kerana, hasil temu bual dengan salah seorang anggota masyarakat di kampung menyatakan bahawa "jika sudah ada pekerjaan dan gaji hampir semua masalah masyarakat boleh selesai.

[prodi/tecSPL/S1KB/JUR/4.3.18]

Saya identifikasi masalah pengangguran sebagai masalah utama yang harus diselesaikan untuk melahirkan masyarakat yang bermoral. Saya telah memberikan kebijakan alternatif untuk melakukan penyuluhan kepada warga masyarakat yang masih menganggur. Misalnya dinaz ketenagakerjaan harus memainkan peranan untuk mengadakan pelatihan-pelatihan keterampilan kepada masyarakat daerah sekitar yang mahu memperbaiki taraf hidup. Ini nilai moral yang perlu ada pada masyarakat.

[prodi/tecEL/S1KC/JUR/4.3.18]

Peserta juga mengaku sikap sabar dan mendengar alasan dengan penuh prihatin juga adalah sikap positif yang perlu ada pada semua manusia semasa mengumpul informasi dan kebijakan publik. Sebagai contoh, peserta mengumpul informasi tentang masalah “kebodohan” atau bebalisme dan masalah korupsi dalam masyarakat dengan teliti. Mahasiswa perlu menyiasat sesuatu masalah yang dikenai pasti sebelum mengumpul informasi. Mereka harus berfikir dengan waras akal semasa berhadapan dengan anggota masyarakat. Hal ini dianggap sebagai pemikiran moral yang wajar oleh peserta. Analisis catatan jurnal menyokong pemikiran moral positif dan nilai rasional yang dimiliki oleh peserta kajian.

Saya mencari informasi tentang masalah “kebodohan” atau bebalisme yang melanda masyarakat. Saya terpaksa berfikir secara wajar dan rasional untuk meneliti masalah ini dalam masyarakat. Saya harus menggunakan pemikiran moral yang baik seperti bersopan, rendah hati, dan sikap tawaduk untuk mendapatkan informasi kerana masalah kebodohan adalah sensitif untuk dikaji dalam masyarakat. Antara penyebab sikap kebodohan ialah kemalasan, kurangnya sikap kesadaran dan faktor lingkungan.

[prodi/tecEL/S1KC/JUR/4.3.18]

Saya mencari informasi tentang korupsi (rasuah). Saya juga ada mencadangkan beberapa solusi untuk kebijakan publik bagi menangani masalah rasuah. Pada pemikiran saya, pihak pemerintah perlu memainkan peranan untuk mengatasi masalah rasuah (korupsi). Negara dan masyarakat tanpa korupsi adalah masyarakat yang bermoral.

[prodi/tecEL/S1KC/JUR/4.3.18]

Dalam pada itu, analisis data catatan jurnal menyokong perkembangan pemikiran moral yang wajar oleh peserta kajian. Berikut ialah catatan jurnal salah seorang peserta kajian, yang mengaku bahawa penglibatan dalam penyajian portfolio dan refleksi juga memberikan dia berpeluang untuk menyedari nilai pemikiran moral yang wajar. Berikut ialah catatan jurnal tersebut:

Refleksi saya ialah, Model *Project Citizen* membuatkan saya berfikir tentang cara mencari masalah yang menimpa Negara dan masyarakat. Pemikiran moral saya terjana apabila mendapat pengalaman untuk mengumpul dan menyajikan masalah yang dikaji dalam portfolio. Saya sedar sebagai mahasiswa saya perlu membantu masyarakat dan Negara untuk menangani masalah yang wujud seperti masalah rasuah (korupsi) dan perlanggaran moral membolos.

[prodi/tecEL/S1KC/JUR/4.3.18]

Catatan pemerhatian oleh rakan pembantu penyelidik juga menunjukkan peserta dapat memaparkan perkembangan nilai moral yang rasional dan menjurus kepada sifat-sifat murni seperti adil, prihatin dan bersopan santun semasa terlibat dalam Model *Project Citizen*. Salah seorang pemerhati mencatatkan bahawa, para peserta dapat menunjukkan nilai rasional dan pemikiran yang berdasarkan alasan yang nyata dalam semua langkah yang dilalui dalam Model *Project Citizen*. Dalam identifikasi masalah, misalnya peserta dapat berfikir secara wajar dalam memilih masalah yang relevan dengan masyarakat. Masalah yang dipilih seperti masalah pengangguran, perlanggaran moral membolos dan korupsi membuktikan kemoralan peserta untuk menangani masalah ini demi kehidupan masyarakat yang harmoni.

[prodi/tecEL/S1KC/PEMER/4.3.18]

3.1.2 Mengambil Tindakan Wajar

Hasil temu bual bersama-sama peserta kajian juga menunjukkan, perkembangan nilai moral yang disokong oleh elemen rasional (Haidt, 2001). Peserta kajian bersetuju bahawa, mereka dapat mempelajari kepentingan nilai rasional, seperti mengambil tindakan yang wajar untuk menangani sesuatu masalah yang melanda masyarakat. Peserta kajian mendakwa, pengalaman dalam Model *Project Citizen*, seperti fasa mengumpul informasi, menyediakan portofolio dan refleksi telah memberikan kesadaran tentang perlunya pemikiran dan tindakan yang wajar dalam menangani semua masalah seperti masalah pelanggaran moral, pengangguran, Kriminalitas dan LGBT. Masalah pelanggaran moral yang mempunyai implikasi kuat dalam masyarakat harus ditangani dengan tindakan yang wajar. Rujuk sedutan temu bual berikut:

Penyelidik: Apakah kesan penglibatan dalam Model *Project Citizen*?

Peserta 6: Bagi kami, penglibatan dalam Model *Project Citizen* dapat memberikan kesedaran tentang kepentingan nilai rasional dalam menyelesaikan semua masalah masyarakat. Kami perlu berfikir untuk mencari isu yang penting dalam masyarakat. Selepas mengenali isu, kami perlu mengambil tindakan untuk mengatasi isu tersebut. Sebagai contoh, kumpulan kami bertindak untuk menangani masalah pengangguran dengan mendapatkan statistik tentang kadar pengangguran daripada dinaz ketenagakerjaan.

[prodi/tecSPL/S1K2/PEMER/10.3.18]

Peserta 4: Walau apapun masalah, perkara yang penting ialah untuk mengatasi masalah yang ada secara wajar. Kita perlu berusaha untuk mengambil tindakan yang wajar agar masalah yang ada boleh diatasi demi menghalang kebobrokan masyarakat. Sebagai contoh, dalam portofolio kami ada menunjukkan masalah jenayah dalam masyarakat (kriminalitas), harus ditangani dengan baik agar ia tidak memberikan kesan buruk kepada penjenayah dan keluarganya. Pemerintah harus berfikir rasional dan tindakan untuk mengatasi jenayah perlu mendapat kerjasama daripada individu, keluarga, sekolah dan masyarakat juga.

[prodi/tecSPL/S1K2/PEMER/10.3.18]

Selain itu, analisis catatan jurnal juga menunjukkan keupayaan peserta dalam menunjukkan elemen perkembangan moral yang wajar. Peserta dapat membuat pentafsiran tentang pemikiran yang dianggap bermoral dan tidak bermoral. Peserta bersetuju dengan pemikiran bahawa manusia perlu mencari alasan dan bukti sebelum bertindak. Manusia perlu mengamalkan tingkah laku moral yang baik, di samping mengambil tindakan yang wajar demi mengelakkan ketegangan atau konflik dalam masyarakat (Thambu, 2017). Catatan jurnal berikut menunjukkan pengakuan peserta yang terlibat dalam mengambil tindakan yang wajar untuk menangani masalah yang dikenal pasti:

Saya menjadi pencatat untuk projek ceramah menangani masalah pengemis jalanan di kampung Sri Rahayu, Desa Karangklasem, Kecamatan Purwokerto Selatan, Banyumas. Dalam pengalaman saya, saya dapati masalah pengemis jalanan harus diatasi oleh pihak berkuasa dan pemimpin seperti Bupati dan Wali Kota. Kita perlu berfikir, bahawa kegiatan pengemisan oleh anak-anak kecil semakin meningkat kerana masalah kemiskinan penduduk pinggir kota. Maka pemimpin seperti Wali Kota dan pegawai lain harus mengambil tindakan untuk atasi masalah kemiskinan dahulu sebelum mengatasi masalah pengemis kecil.

[prodi/tecSPL/S1KB/JUR/4.4.18]

Catatan pemerhatian oleh rakan kolaborasi penyelidik juga menunjukkan peserta dapat menunjukkan nilai rasional dalam menangani isu-isu sosial dalam masyarakat seperti isu jenayah, kemiskinan dan pengemis kecil. Model Project Citizen memberikan pengalaman yang baik dan mendorong peserta untuk berfikir berdasarkan alasan dan bukti yang nyata dan mendorong mereka untuk mengambil tindakan yang wajar. Elemen rasional yang digunakan untuk menangani beberapa masalah seperti isu pengemis kecil juga jelas menunjukkan wujudnya perkembangan nilai moral dalam kalangan peserta kajian ini. Peserta kajian juga memaparkan pemikiran moral yang wajar dan menjurus kepada sifat-sifat murni seperti berfikiran rasional, prihatin dan bersopan santun semasa terlibat dalam Model Project Citizen.

[prodi/tecEL/S1KC/PEMER/4.5.18]

3.2 Tema 2: Jujur

Satu lagi elemen yang terdapat dalam perkembangan nilai moral dalam kalangan peserta kajian ialah elemen kejujuran. Elemen kejujuran merupakan nilai nurani yang perlu ada pada setiap individu. Perkembangan nilai moral yang mantap harus juga bersandarkan elemen kejujuran yang menunjukkan individu bermoral harus bercakap benar, amanah dan ikhlas dalam melaksanakan setiap tindakan moral (Gibson & Levine, 2003). Tema jujur pula terbentuk daripada tiga sub tema iaitu (i) bercakap benar (ii) amanah dan (iii) ikhlas dalam perlakuan.

3.2.1 Bercakap Benar

Hasil dapatan daripada temu bual menunjukkan peserta kajian ada menunjukkan sikap bercakap benar. Sikap bercakap benar merupakan satu sikap yang perlu untuk melengkapkan nilai kejujuran (Power & Power, 2006). Peserta kajian mengamalkan konsep bercakap benar sejak daripada langkah identifikasi masalah, memilih masalah, mengumpul informasi, kebijakan publik, penyajian portofolio dan refleksi. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik: Pada pandangan anda mengapa kita harus bercakap benar?

Peserta 4: Pada pandangan kami, sikap bercakap benar harus ada pada individu sebagai nilai moral yang utama. Projek *Model Citizen* telah memberikan pengalaman kepada kami betapa bercakap benar itu penting dalam mengekalkan keharmonian dan keadilan sosial. Sebagai contoh dalam program menyantuni masyarakat di Kampung Sri Rahayu, ramai yang tidak bercakap benar. Ada yang menipu pemerintah untuk mendapatkan beras. Mereka ini bukannya miskin. Tindakan ini menyebabkan orang miskin semakin tertindas dan hilang hak mereka. Tindakan mereka yang tidak bercakap benar dan menipu juga menyebabkan keadilan sosial dalam masyarakat terjejas. Kami sedar betapa bahayanya sikap bohong dan tidak bercakap benar kepada kebobrokan masyarakat.

[prodi/tecSPL/S1K2/WCB/9.3.18]

Peserta 6: Pengalaman berada di tengah-tengah masyarakat juga menunjukkan, kesedaran kepada kumpulan kami untuk bercakap benar. Nilai bercakap benar bukan sahaja dianggap jujur tetapi ia perlu untuk memberikan keadilan kepada semua. Kami amat prihatin dengan anak-anak kecil yang menjadi pengemis di pinggir

kota. Mereka bercakap benar, bahawa mereka harus mengemis untuk menyelesaikan hutang ibu bapa. Nilai bercakap benar itu ada, tetapi tindakan mengemis ialah satu tindakan yang kurang sihat. Ini menjadi konflik yang sukar untuk kita selesaikan. Pemerintah harus menyelidiki masalah ini dengan lebih telus iaitu antara bercakap benar dan mengemis.

[prodi/tecSPL/S1K2/WCB/9.3.18]

Selain itu, catatan jurnal peserta kajian juga menunjukkan bahawa mereka menyokong usaha bercakap benar oleh segelintir peniaga kecil di pasar Banyumas. Kajian terhadap para peniaga kecil di pasar Banyumas menunjukkan mereka ini terpaksa berhutang dengan para peminjam wang secara tidak rasmi (*illegal money lender*). Hal ini menyebabkan mereka juga dilanda kemiskinan dan kesempitan hidup (Hidayat & Makhrus, 2021). Kadang kala peniaga ini meningkatkan harga ikan dan sayur-sayuran untuk membayar bunga (*interest*) kepada peminjam wang. Tindakan ini pula menyebabkan jualan mereka terjejas dan kemiskinan mereka semakin melarat. Rujuk catatan jurnal berikut:

Secara peribadi saya bersetuju dengan sikap bercakap benar oleh para peniaga kecil di pasar Banyumas. Mereka begitu jujur menyatakan masalah mereka. Mereka bercakap benar bahawa hutang yang berlebihan dengan peminjam wang ‘haram’, menyebabkan mereka terpaksa menaikkan harga jualan ikan dan sayur-sayuran. Namun, tindakan ini menyebabkan mereka juga menanggung risikonya. Persoalan kita ialah, bercakap benar itu baik dan tindakan menaikkan harga itu kurang bermoral. Oleh itu, pihak berwajib harus menelusuri masalah ini dan perlu mengatasinya dengan baik.

[prodi/tecSPL/S1KB/JUR/19.3.18]

Hasil pemerhatian juga menunjukkan peserta kajian memang berpegang pada konsep bercakap benar. Dalam penyajian portfolio, mahasiswa dapat menunjukkan perkara sebenar yang berlaku dalam masyarakat. Isu pengemis kecil yang ada kaitan dengan kemiskinan dan pengangguran dapat dibongkar dengan baik oleh peserta kajian. Selain itu, isu penyelewengan dalam mengagihkan beras kepada golongan miskin tegar, dan tekanan oleh pihak peniaga kecil di pasar Banyumas juga dapat dide dahkan oleh mahasiswa dengan baik. Penyertaan dalam Projek *Model Citizen*, telah memberikan kemahiran bercakap benar kepada para peserta kajian. Dalam sesi refleksi juga, peserta ada menunjukkan kebenaran isu yang dibincangkan oleh mereka. Peserta kajian juga mengaku bahawa, mereka harus mendedahkan perkara yang sebenar walaupun mereka agak takut dengan masalah atau impak yang melanda diri mereka. Ternyata, Projek Model Citizen mampu memberikan nilai jujur dan bercakap benar.

[prodi/tecEL/S1KC/PEMER/4.6.18]

3.2.2 Amanah

Hasil temu bual menunjukkan bahawa peserta kajian juga mampu mengamalkan ciri amanah sebagai satu ciri penting dalam nilai kejujuran. Peserta kajian dapat menunjukkan amanah mereka dengan menunjukkan sikap bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan (Higgins, Power & Kohlberg, 1984). Peserta kajian juga dapat melaksanakan Projek *Model Citizen* dengan baik dengan mengutip data bagi menelusuri pelbagai masalah yang melanda masyarakat di kota Purwokerto. Peserta kajian juga dapat melaksanakan amanah mereka sebagai mahasiswa dan warganegara Indonesia dengan cuba mengkaji dan memahami masalah masyarakat mereka dengan baik. Rujuk temu bual berikut:

Penyelidik: Apa pentingnya sikap amanah dalam kalangan warganegara Indonesia?

Peserta 5: Kami adalah kumpulan yang mengkaji masalah peniaga kecil di pasar Banyumas. Kami dapati, masalah mereka yang meminjam uang daripada orang perseorangan secara haram (bank placit) membawa masalah kepada diri mereka, keluarga dan juga masyarakat. Kami rasa, orang yang meminjamkan wang secara haram kepada peniaga-peniaga ini harus bersikap amanah dan boleh dipercayai. Pihak pemerintah harus menangani masalah ini dengan memudahkan urusan meminjam di bank. Pihak peminjam wang juga perlu bersikap amanah dan jujur dalam urusan meminjam wang dan mengitip balik bunga (*interest*) mereka pada setiap hari. Kami sedar perlunya sikap amanah kepada semua penduduk di Purwokerto.

[prodi/tecSPL/S1K2/WCB/4.8.18]

Peserta 8: Kami juga sedar tentang pentingnya nilai jujur dan ciri amanah dalam melaksanakan tugas harian. Dalam membentangkan masalah yang melanda masyarakat di daerah Kabupaten Banyumas, kami menunjukkan sikap amanah. Dalam pembentangan portofolio, kumpulan kami menunjukkan data-data yang boleh dipercayai dan meyakinkan. Kami percaya ciri amanah penting untuk melaksanakan tugas yang diberi dengan baik.

[prodi/tecSPL/S1K2/WCB/4.7.18]

Catatan jurnal peserta kajian juga menunjukkan bahawa mereka memahami nilai jujur dan pentingnya nilai amanah dalam melaksanakan tugas yang diberi. Mereka mengaku bahawa, mereka telah melaksanakan tugas yang diberi oleh para pensyarah dengan amanah dalam melaksanakan langkah identifikasi masalah, mengumpul informasi

dan dalam persembahan portofolio. Mereka juga mengaku bahawa, masalah “bank placit”, telah diajukan kepada pihak berkuasa dan wali kota di Purwokerto. Pemerintah dapat menunjukkan sikap jujur dan amanah dengan baik. Rujuk catatan jurnal peserta kajian berikut:

Saya dan kumpulan saya telah pergi ke kantor Bank Indonesia di Purwokerto untuk berjumpa dengan salah seorang pegawainya. Kami telah membuat temu janji sebelum itu. Hasil perbincangan dengan pegawai bank tersebut, masalah “bank placit”, boleh diatasi jika para peniaga memohon untuk mendapatkan pinjaman secara rasmi di bank yang berdekatan. Masalah bahawa ketiadaan dokumen yang cukup dan masalah peniaga yang tidak mengetahui prosedur pempinjaman memang ada. Tetapi, jika mereka datang ke bank, kami akan membantu mereka. Saya memuji pegawai bank, khususnya di Bank Indonesia di cawangan Purwokerto. Beliau bersikap jujur dan amanah.

[prodi/tecSPL/S1KB/JUR/4.5.18]

Sementara itu, catatan pemerhatian daripada rakan penyelidik juga menunjukkan para peserta kajian mampu menunjukkan sikap amanah dan nilai kejujuran. Dalam pemerhatian rakan penyelidik, peserta kajian dari Universitas Muhammadiyah Purwokerto ini, dapat menunjukkan sikap jujur dan amanah. Peserta kajian begitu amanah dalam melaksanakan kajian dalam Projek Model Citizen. Mereka begitu amanah dan menunjukkan sikap bertanggungjawab yang boleh menimbulkan kepercayaan dan keyakinan orang lain. Dalam kajian ini, peserta mempunyai amanah untuk mengutip data secara telus dalam menangani masalah “bank placit”. Mereka juga membentangkan dapatan daripada orang ramai untuk dibentangkan dalam portfolio di hadapan juri. Sikap amanah jelas ada pada setiap individu pelajar.

[prodi/tecEL/S1KC/PEMER/4.6.18]

3.2.3 Ikhlas

Data daripada temu bual juga menunjukkan peserta kajian memperlihatkan sikap ikhlas dalam melaksanakan kajian dan dalam menangani semua langkah dalam Projek Model Citizen. Mereka juga ikhlas dalam melakukan kajian, mengidentifikasi masalah, memilih masalah dan mengumpul informasi. Informasi yang dikumpulkan pula dipersembahkan dalam portfolio dan dibincangkan secara ikhlas di dalam sesi refleksi bersama-sama juri. Peserta kajian tidak berhenti setakat mengumpul masalah dan mempersembahkannya dalam portfolio. Mereka bertindak lebih daripada itu, dan cuba menangani masalah yang melanda masyarakat secara ikhlas (Nucci, 2001). Rujuk catatan temu bual berikut:

Peserta 2: Kami tidak mahu menjadi mahasiswa yang hanya pandai mencari masalah dan menulis laporan kajian sahaja. Kami mahu menjadi warganegara yang prihatin dan ikhlak dalam membantu masyarakat yang berada dalam kesusahan. Oleh sebab itu, kami sanggup ke kantor dinaz ketenagakerjaan untuk mendapatkan statistik tentang kadar pengangguran di daerah Kabupaten, Banyumas Purwokerto. Kami ikhlas lakukannya untuk masyarakat di sini. Setiap daripada kami sanggup meluangkan masa, tenaga dan wang untuk melakukan perkara ini tanpa mengharapkan pujian dan ganjaran.

[prodi/tecSPL/S1K2/WCB/4.6.18]

Hasil catatan jurnal oleh seorang peserta kajian pula merakamkan perkara ini. Rujuk catatan jurnal berikut:

Saya sendiri telah hadir ke kantor Wali Kota untuk berbincang dengan pegawainya tentang masalah pengemis kecil di sekitar kota. Ini bukannya tugas kami sebagai mahasiswa yang masih berkuliah di universitas. Tetapi saya sendiri mahu melakukan perkara ini atas niat ikhlas untuk membantu menangani masalah mereka. Saya sanggup ke kantor untuk menyiasat perkara sebenar dan sedaya upaya berusaha untuk membantu mereka yang berada dalam kesusahan.

[prodi/tecSPL/S1KB/JUR/4.6.18]

Hasil pemerhatian juga menunjukkan, peserta kajian dapat menunjukkan sikap ikhlas dan nilai kejujuran dalam melaksanakan Projek Model Citizen. Mereka telah menjadikan Projek Model Citizen sebagai tempat untuk menimba pengalaman dan memahami masalah masyarakat dengan baik. Mereka bukan menjadi mahasiswa yang hanya melaksanakan projek untuk memenuhi kehendak universitas. Mereka telah berperanan menjadi warganegara yang lebih prihatin dan mahu membantu rakyat bawah dengan ikhlas, dan tanpa harapkan ganjaran dan pujian. Peserta kajian dapat melatih diri mereka untuk menjadi warganegara yang memiliki patriotisme sebagai rakyat republik Indonesia.

[prodi/tecEL/S1KC/PEMER/4.5.18]

3.3 Tema 3: Baik Hati

Satu lagi elemen yang terdapat dalam perkembangan nilai moral dalam kalangan peserta kajian ialah elemen baik hati. Elemen baik hati merupakan nilai nurani yang perlu ada pada setiap individu. Perkembangan nilai moral yang mantap harus juga bersandarkan elemen baik hati yang menunjukkan individu bermoral bukan sahaja peka terhadap kebajikan diri dan orang lain, tetapi juga harus memberikan bantuan dan sokongan moral kepada yang memerlukannya (Sherrod,

Flanagan, & Youngish, 2002). Tema baik hati pula terbentuk daripada dua sub tema iaitu (i) peka terhadap kebajikan orang lain dan (ii) memberikan bantuan dan sokongan moral.

3.3.1 Peka Terhadap Kebajikan Orang Lain

Hasil dapatan temu bual menunjukkan peserta kajian dapat menunjukkan nilai baik hati melalui sikap peka atau prihatin terhadap kebajikan orang lain. Peserta kajian dapat membuat banyak kebaikan terhadap masyarakat di sekitar kota Purwokerto. Selain membuat kajian, peserta juga telah cuba sedaya upaya prihatin dan peka terhadap kebajikan orang lain (Gibson & Levine, 2003). Rujuk catatan sedutan temu bual berikut:

Penyelidik: Apakah sikap peka terhadap kebajikan orang lain itu penting untuk mahasiswa?

Peserta 2: Ya...bagi kami peka terhadap kebajikan orang lain itu penting kerana ia menjadi satu nilai moral yang utuh untuk membina bangsa Indonesia yang maju. Dalam Projek Model Citizen ini kami cuba memahami masalah orang lain dan cuba membantu mereka. Projek ini menjadikan kami individu yang sensitif dan peka terhadap kebajikan orang lain. Contohnya kami juga menghubungi Bank Wakaf Mikro, cawangan Purwokerto untuk menyelesaikan masalah pinjaman dari "Bank Placit". Tindakan ini juga adalah berdasarkan sikap prihatin kami terhadap para peniaga kecil yang menjadi peminjam kepada "Bank Placit".
[prodi/tecSPL/S1K2/WCB/16.3.18]

Peserta7: Kami juga ada membincangkan perkara ini dengan Bank Wakaf Mikro, cawangan Purwokerto. Mereka ada menyatakan bahawa mereka (Bank Wakaf Mikro) ada memberikan pinjaman kewangan kepada para peniaga kecil. Kami ada menyebarkan berita ini kepada para peniaga kecil di pasar Banyumas dan juga kepada orang awam. Kami mendapatkan maklumat ini untuk membantu para peniaga kecil untuk memperoleh maklumat. Tindakan kami ini adalah atas dasar peka terhadap kebajikan orang lain.
[prodi/tecSPL/S1K2/WCB/16.3.18]

Hasil catatan jurnal menunjukkan peserta kajian juga ada menunjukkan nilai baik hati melalui sikap mereka yang mahu mementingkan kebajikan orang lain. Selain mengutip data untuk dipersembahkan dalam portfolio Projek Model Citizen, peserta juga menunjukkan kepekaan mereka terhadap kebajikan para peserta yang dikaji. Peserta yang menjadi subjek kajian seperti peniaga di pasar Banyumas, pengemis kecil di sekitar kota Purwokerto, golongan miskin yang mendaftar untuk mendapatkan beras dan para penganggur yang kehilangan kerja dan yang belum mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian di Universitas; semuanya dianggap sebagai masyarakat yang perlu dibantu. Rujuk catatan jurnal berikut:

Saya sendiri telah mendengar penjelasan daripada pegawai dari kantor Bank Wakaf Mikro, cawangan Purwokerto. Pihak bank ada menunjukkan pelan dan dasar serta syarat untuk memberikan pinjaman kepada para peniaga kecil, khususnya yang beragama Islam tanpa apa-apa cagaran. Pinjaman ini digalakkan kepada mereka yang ingin membuka perniagaan yang berlandaskan agama Islam. Menurut Bank Wakaf Mikro, pinjaman ini menjadi satu usaha untuk memberikan kuasa kepada orang Islam dalam meningkatkan ekonomi dan keimanan mereka terhadap agama Islam. Saya rasa kebajikan orang Islam dapat terjamin daripada program ini.

[prodi/tecSPL/S1KB/JUR/28.5.18]

Hasil catatan jurnal juga menunjukkan sikap prihatin dan kepekaan peserta kajian terhadap kebajikan orang lain. Melalui Projek Model Citizen, peserta kajian juga mengutip data tentang masalah Pengemis, Gelandangan dan Orang Terlantar (PGOT), di sekitar daerah Kabupaten Cilacap, Purwokerto. Dalam portfolio yang dipersembahkan, peserta kajian ada menunjukkan punca masalah ini. Menurut data yang diberikan, pertambahan penduduk Indonesia yang pesat, sikap penduduk desa untuk berurbanisasi dengan maksud untuk mengubah nasib, dan kurangnya peluang untuk bercucuk tanam di desa, menyebabkan ramai yang berhijrah dari desa ke kota. Ketiadaan pekerjaan yang tetap, menyebabkan ramai menjadi pekerja yang tidak produktif. Untuk memenuhi keperluan hidup, mereka bekerja apa saja asalkan mendapatkan uang termasuk meminta-minta (mengemis). Atas dasar keprihatinan dan kepekaan terhadap kebajikan golongan PGOT, peserta kajian telah menemuramah beberapa pegawai pemerintah seperti Wali Kota, pegawai bank dan Bupati untuk mencari penyelesaian kepada masalah ini. Peserta kajian ada menunjukkan kepekaan dan kebajikan kepada masyarakat mereka sendiri dengan mengetengahkan masalah-masalah yang ada dalam masyarakat.

[prodi/tecEL/S1KC/PEMER/24.5.18]

3.3.2 Bantuan dan Sokongan Moral

Hasil dapatan temu bual menunjukkan para peserta memberikan bantuan dan sokongan moral kepada masyarakat yang menjadi subjek kajian mereka. Mereka menunjukkan sikap baik hati dengan membantu subjek kajian dengan bantuan kewangan, bahan keperluan harian dan sokongan moral (Sherrod, Flanagan, & Youngish, 2002). Para peserta

menyatakan mereka juga ada mengutip derma untuk diberikan kepada subjek kajian yang seperti kepada pengemis kecil dan keluarga miskin. Selain memberikan derma (donasi), mereka juga ada memberikan sokongan material dan sokongan moral (Raman Kutty et al., 2019). Projek Model Citizen dapat melahirkan peserta kajian yang baik, altruistic dan penuh kebajikan. Rujuk catatan temu bual berikut:

- Peserta 1: Projek Model Citizen dapat memberikan pengajaran yang bermakna kepada kami. Kami sedar betapa pentingnya memberikan bantuan dan sokongan moral kepada masyarakat yang memerlukan bantuan. Kami ada berikan bantuan dalam bentuk wang dan juga dalam bentuk informasi kepada para lulusan sekolah menengah pertama dan sekolah dasar. Kami ada memberikan nasihat dan sokongan moral untuk golongan ini bagi melanjutkan pelajaran (jika keadaan mengizinkan), kerana kelulusan setakat sekolah menengah pertama dan sekolah dasar sukar untuk menjamin pekerjaan yang baik dengan pendapatan yang lumayan.

[prodi/tecSPL/S1K2/WCB/24.4.18]

- Peserta 2: Kami juga ada memberikan nasihat, sokongan moral dan bantuan kewangan kepada keluarga miskin. Kami ada meminta golongan yang tiada pekerjaan untuk menyertai bursa tenaga kerja (*Job Fair*), secara bersemuka atau secara atas talian yang dianjurkan oleh Universitas Muhammadiyah Purwokerto. Projek Model Citizen dapat memberikan pengalaman yang bermakna untuk kami memberikan bantuan dan sokongan moral.

[prodi/tecSPL/S1K2/WCB/24.6.18]

Catatan jurnal peserta juga menunjukkan sikap baik hati dan memberikan bantuan dan sokongan moral peserta kajian. Rujuk catatan jurnal salah seorang peserta kajian berikut:

Saya dan kumpulan saya banyak melibatkan diri dalam usaha untuk menyedarkan golongan penganggur, khususnya mereka yang memiliki kelulusan sekolah menengah pertama dan sekolah dasar. Dalam hubungan ini satu bursa tenaga kerja (*Job Fair*), telah dianjurkan oleh Bupati Banyumas dengan kerjasama Dinas Tenaga Kerja Koperasi dan Usaha Kecil Menengah (Dinnakerkop UKM) Kabupaten Banyumas serta Bursa Kerja Kementerian Ketenagakerjaan Republik Indonesia. Saya dan kumpulan saya membantu sekumpulan belia dan remaja yang masih menganggur untuk menyertai program ini. Saya memberikan sokongan moral kepada mereka, yang pada awalnya enggan untuk menyertai program ini.

[prodi/tecSPL/S1KB/JUR/24.4.18]

Selain itu, data pemerhatian tidak turut serta juga menunjukkan, peserta kajian ada mengamalkan nilai baik hati dan memberikan bantuan dan sokongan moral kepada yang memerlukan. Mereka sejak awal-awal lagi, membantu golongan yang berada dalam kesusahan. Bantuan informasi, kewangan dan sokongan moral yang diberikan, nyata menunjukkan sikap baik hati peserta kajian. Projek Model Citizen dapat mengembangkan nilai-nilai moral yang mulia dalam kalangan mahasiswa Universitas Muhammadiyah. Dalam menangani isu Pengemis, Gelandangan dan Orang Terlantar (PGOT), misalnya, Bupati Banyumas, ada menyatakan bahawa masalah ini harus diatasai oleh pemerintah provinsi, kabupaten dan kota. Para peserta pula telah menyahut cabaran ini dan berusaha untuk membantu golongan PGOT. Peserta telah ke kantor pegawai kabupaten, wali kota, dan Bupati untuk mendapatkan maklumat sebenar. Bantuan dan sokongan moral ini menjadi aspek penting untuk mengurangkan sedikit bebanan golongan ini.

[prodi/tecEL/S1KC/PEMER/14.4.18]

4. Kesimpulan

Model *Projek Citizen*, mampu mengembangkan elemen nilai moral dan perilaku karakter mahasiswa Universiti Muhammadiyah Purwokerto, Indonesia. Kajian ini juga memberikan nilai tambah serta menyuluhan cahaya dalam perkembangan pengajaran kursus PKn di pusat pengajian tinggi. Sebenarnya, mengajar nilai-nilai moral yang ada dalam PKn sahaja tidak cukup tanpa melibatkan murid-murid dalam pengalaman sebenar yang membolehkan mereka meneroka dan bertindak mengikut domain moral. Pengalaman sebenar hanya boleh diperoleh jika pelajar melibatkan diri dalam kerja-kerja kemasyarakatan (Fathy, 2019; Jirzana, 2020). Dalam konteks di universiti, penuntut universiti harus dilibatkan secara aktif dan alami dalam kaedah pembelajaran seperti Model *Projek Citizen*. Model *Projek Citizen* memberikan peluang kepada subjek didik untuk mengkaji tiga elemen dalam pembangunan masyarakat seperti yang ditutut dalam PKn, iaitu komitmen siswa bersama-sama masyarakat, hubungan dengan ketua setempat (*local leader*) dan hubungan dengan institusi pemerintah. Hal ini membolehkan pelajar mempraktikkan teori nilai yang dipelajari semasa berhadapan dengan masyarakat. Apa-apa yang dibuat oleh siswa adalah lebih bermakna kepada mereka daripada apa-apa yang mereka lihat dan dengar. Kata-kata Confucius, *I hear and I forget. I see and I remember. I do and I understand* dapat direalisasikan melalui Model *Projek Citizen*.

Rujukan

- Aroff, A. R. M., & Chang, L. H. (1994). Moral Education: Teachers Dynamic (Pendidikan moral: dinamika guru). Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Azizah, A. B., Huwaida, A. N., Asihaningtyas, F., & Fatharani, J. (2020). Konsep, Nilai, Moral dan Norma dalam Pembelajaran PPKN SD. *Nusantara*, 2(1), 129-138.
- Azzel, A. M. (2011). *Urgensi Pendidikan Karakter di Indonesia*, Yogyakarta: PT. Ar-Ruzz Media.
- Boeije, H. (2010). *Analysis in Qualitative Research*. Sage Publications Ltd.
- Budimansyah, D. (2002). *Model pembelajaran dan penilaian berbasis portofolio*. Bandung: PT. Genesindo.
- Budimansyah, D. (2014). *Perancangan pembelajaran berbasis karakter*. Bandung: Widya Aksara Press.
- Budimansyah, D. (2016). *Teori sosial dan kewarganegaraan*. Bandung: Widya Aksara Press.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77–101.
- Chang, L. H. (2005, September). *Educating teachers for Moral, Civic and Citizenship Education: Challenges ahead*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Asia-Pacific Moral, Civic and Citizenship Education Conference pada 21-22 September, 2005 di Hotel Concorde, Kuala Lumpur.
- Chang, L. H. (2007, Jun). *Moral reasoning of Malaysian adolescents*. Kertas kerja yang Dibentangkan dalam International Conference on Learning, Johannesburg, South Africa.
- Crane, P., & Richardson, L. (2000). *Reconnect action research kit*. Canberra: Department of Family and Community Services.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Englewood Cliffs, NJ: Pearson.
- Dahliyana, A., & Suabuana, C. (2019). Project Citizen: Penguatan Pendidikan kewarganegaraan dalam membina nasionalisme. *Sosietas Jurnal Pendidikan Soiologi*, 9(2), 708-718. <http://ejournal.upi.edu/index.php/sosietas/>
- Fathy, R. (2019). Modal sosial: Konsep inklusivitas dan pemberdayaan masyarakat. *Jurnal Pemikiran Sosiologi*, 6(1), 1-17
- Gibson, C., & Levine, L. (Eds.) (2003). *The Civic mission of schools. Carnegie corporation and circle foundation*. New York: Carnegie Corporation
- Haidt, J. (2001). The emotional dog and its rational tail: A social intuitionist approach to moral judgment. *Psychological Review*, 108(4), 814-834. doi: 10.1037/0033-295X.108.4.814.
- Hidayat, S., & Makhrus (2021). Peranan Bank Wakaf Mikro dalam pemberdayaan ekonomi masyarakat di Purwokerto. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam (JIEI)*, 7(2), 577-586. DOI: <http://dx.doi.org/10.29040/jiei.v7i2.2249>.
- Higgins, A., Power, F. C., & Kohlberg, L. (1984) The relationship of moral judgement to judgments of responsibility.
- Jayadiputra, E. (2015). *Model Project Citizen dalam meningkatkan keterampilan berpikir kritis siswa*. *Jurnal Ilmiah Cisoc Kajian Rumpun Pendidikan Ilmu Sosial*, 2(1), 11-20.
- Jirzanah. (2020). *Aksiologi sebagai dasar pembinaan kepribadian bangsa dan negara Indonesia*. Yogyakarta: UGM Press.
- Karliani, E. (2014). Membangun civic engagement melalui Model *Service Learning* untuk memperkuat karakter warga negara. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Pancasila Dan Kewarganegaraan*, 27(2), 71-78.
- Khairu Anuar, A. S., Tan, B. P., & Mahadir Naidu, N. B. (2021). Sensitiviti moral melalui interaksi pelajar pelbagai budaya [Moral sensitivity through the interaction of students from different cultures in school]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(2), 41-56. <https://doi.org/10.33306/mjssh/120>
- Nucci, L. (2001). *Education in the Moral Domain*. New York: Cambridge University Press.
- Power, F. C., & Power. A. R. (2006). Moral education and civic engagement: An appropriation of Durkheim. Dalam Wouter van Haaften (Ed.), *Moral Sensibilities III*, Nijmegen: Uitgeverij Concorde.
- Rahmat, A., & Mirnawati, M. (2020). Model participation action research dalam pemberdayaan masyarakat. *AKSARA-Jurnal Ilmu Pendidikan Nonformal*, 6(1), 62-71.

- Raman Kutty, S., Gurusamy, V., Mahadir Naidu, N. B., & Vengadasalam, C. (2019). The usage of schoology to describe issue in Moral education through flipped classroom [Penggunaan schoology untuk memerihalkan isu dalam pendidikan Moral menerusi kelas berbalik (flipped classroom)]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(3), 295-307. <https://doi.org/10.33306/mjssh23>
- Rukajat, A. (2018). *Pendekatan penelitian kualitatif: Qualitative Research Approach*. Sleman: Deepublish.
- Samani, M., & Hariyanto. (2014). *Konsep dan model pendidikan karakter*. Bandung: Rosda Karya.
- Sherrod, L., Flanagan, C. & Youngish J. (2002). Dimensions of citizenship and opportunities for youth development: The what, why, when, where, and who of citizenship development. *Applied Developmental Science*, 6, 264-272.
- Thambu, N. (2017). The development of Moral thinking through theater forum: An action research [Perkembangan pemikiran Moral melalui teater forum: Satu kajian tindakan]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 12-30.
- Ulfah, N. S., & Solihin, S. I. (2017). Model *Project Citizen* dalam pembelajaran PKn untuk meningkatkan keterampilan berpikir kritis siswa. *Antologi UPI*, 5(1), 134-145.
- Varatha Raju, L. D., & Thambu, N. (2020). Caring moral reasoning through forum theatre in teaching and learning of Moral Education [Penaakulan moral caring melalui teater forum dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(2), 214-228. <https://doi.org/10.33306/mjssh/75>
- Wibowo, A. P., & Wahono, M. (2017). Pendidikan kewarganegaraan: Usaha konkret untuk memperkuat multikulturalisme di Indonesia. *Jurnal Civics*, 14(2), 196-205.
- Winataputra, U. S. (2016). Posisi akademik pendidikan kewarganegaraan (PKn) dan muatan/mata pelajaran pendidikan Pancasila dan kewarganegaraan (PPKn) dalam konteks sistem pendidikan nasional. *Jurnal Moral Kemasyarakatan*, 1(1), 15-36.